



SIARAN AKHBAR

S.A. 2021/07/96 (HQ)

LEBIH 1,800 KELUARGA B40 TERIMA BANTUAN TABUNG WARGA TNB PRIHATIN

- Lebih RM1 juta telah diagihkan di seluruh Semenanjung
- Lebih RM1.52 juta dikumpul secara sukarela dari warga kerja TNB

Lebih 1,800 keluarga B40 dari seluruh Semenanjung yang terkesan akibat pandemik COVID-19 telah menerima bantuan berbentuk wang tunai dari Tabung Warga TNB Prihatin (WTP) yang dilancarkan pada 9 Jun lalu, melibatkan agihan bernilai lebih RM1 juta.

“Secebis bantuan dari kami ini diharap mampu mengukir senyuman dan membawa rasa bahagia kepada penerima bagi menempuhi tempoh yang agak sukar ketika ini,” kata Pengerusi Tenaga Nasional Berhad (TNB), Datuk Seri Mahdzir Khalid.

Menurutnya, Tabung WTP adalah wadah untuk warga kerja syarikat berkaitan kerajaan itu (GLC) untuk terus membantu rakyat yang memerlukan dalam suasana pandemik yang berlanjutan, selari dengan kesungguhan TNB menerangi kehidupan penduduk negara ini.

“Selain warga kerja TNB yang menyumbang kepada tabung dengan nilai lebih RM1.52 juta setakat ini, terima kasih saya ucapkan kepada pemimpin kesatuan dan persatuan dalaman TNB yang bersepakat menubuhkan tabung, serta pelbagai pihak yang membantu kami mengenalpasti penerima bantuan.

Tambahnya, sambutan baik warga kerja TNB menjayakan tabung ini adalah manifestasi nilai-nilai murni Budaya TNB iaitu, prihatin, kerjasama, mengutamakan pelanggan, integriti, profesionalisme dan berwawasan yang amat penting dalam usaha menyeluruh TNB membantu kerajaan menjayakan Pelan Pemulihan Negara.

Dalam menyokong usaha Pelan Pemulihan Negara, Mahdzir berkata TNB menumpukan empat aspek iaitu menyelamatkan nyawa; melindungi golongan rentan; menyediakan bekalan elektrik yang stabil dan memacu pemulihan ekonomi.

“Dalam suasana ramai yang tertekan akibat pandemik COVID-19, dengan ada yang kehilangan sebahagian punca pendapatan bahkan ada yang kehilangan pekerjaan, tabung amal ini juga memberi keinsafan kepada warga kerja kami untuk sentiasa berkongsi nikmat.

“Alhamdulillah, menerusi maklum balas penerima dari berbilang bangsa, ramai menyatakan bantuan Tabung WTP dapat meredakan kesusahan keluarga masing-masing,” katanya lagi.

Selain Tabung WTP, sejak awal tahun ini, TNB telah menghulurkan pelbagai bentuk bantuan kepada lebih 10,000 golongan B40 dengan peruntukan hampir RM9.5 juta termasuk membiayai pembinaan semula dan membaiki rumah, pengagihan bekalan makanan dan keperluan asas serta wang saku.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 7 Julai 2021, jam 10:00 pagi
*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Fitri Majid 013-3626923 /
Grace Tan 016-6626229 / Nasir Aziz 018-9434524
atau emel kami: media@tnb.com.my*



Pengerusi Tenaga Nasional Berhad (TNB), Datuk Seri Mahdzir Khalid